



Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/97 Jld.4 ( 42 )  
Tarikh : 12 November 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN SATU JAWATAN PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W22 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN DI IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) GOMBAK, SELANGOR.**

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam proses persediaan pengisian kekosongan satu (1) jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) [PT (Kew)] Gred W22 di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak, Selangor. Sehubungan dengan ini, pihak YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan dimohon untuk mengemukakan maklumat PT (Kew) Gred W19 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti yang berikut:

- 2.1 **Disahkan di dalam perkhidmatan;**
- 2.2 Dilantik sebagai PT (Kew) Gred W19 **pada 31 Disember 2008 dan sebelum (tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred W19 berubah ke tarikh 1 Januari 2009 dan seterusnya);**
- 2.3 **Tidak layak/tidak memilih untuk opsyen tukar lantik ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29 pada 1 Julai 2016 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016;**
- 2.4 Markah LNPT tahun terkini (2019) dan wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2017, 2018 dan 2019) tidak kurang 80%;
- 2.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)(salinan hendaklah disertakan);
- 2.6 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.7 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.8 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 2.9 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** seperti disertakan dan **calon-calon yang bersedia untuk penempatan di IPD Gombak, Selangor sahaja digalakkan untuk memohon urusan pemangkuan ini.**

4. Kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari kementerian/jabatan/agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 4 Disember 2020** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Puan Nur Sara Que Zana binti Abdullah)

5. Dimaklumkan bahawa menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), kementerian / jabatan / agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti yang dinyatakan dalam **perenggan 2 sahaja dikemukakan ke JPA**. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan). Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- |     |  |   |              |
|-----|--|---|--------------|
| i.  | Encik Mohd Fauzi bin Hashim<br><a href="mailto:fauzi.hashim@jpa.gov.my">fauzi.hashim@jpa.gov.my</a>        | - | 03-8885 4782 |
| ii. | Puan Norsiti Farrah binti Roslan<br><a href="mailto:farrah.roslan@jpa.gov.my">farrah.roslan@jpa.gov.my</a> | - | 03-8885 4147 |

7. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NUR SARA QUE ZANA BINTI ABDULLAH)**

Timbalan Pengarah  
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**MALAYSIA**

☎ : 03-8885 4110

✉ : [nursara.abdullah@jpa.gov.my](mailto:nursara.abdullah@jpa.gov.my)